



جابتن كواغن دان قربنداھاراءن نكري ملاك

JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA

Aras 2, 3 & 4, Blok Bentara
Kompleks Seri Negeri
Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh
75450 MELAKA

Tel (ONCC) : 06-333 3333
Faks : 06-231 6489
Laman Web : jkpnm.melaka.gov.my

No.Rujukan : PNM(KPS)125.Jld.2(42)
Tarikh : 18 Disember 2019
Bersamaan : 21 Rabi'ulakhir 1441H

Semua Ketua Jabatan / Pusat Tanggungjawab
Negeri Melaka
(Seperti Senarai Edaran)

YB Datuk / Tuan / Puan,

SURAT ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI BIL.08 TAHUN 2019 KENAIKAN BAYARAN BANTUAN SARA HIDUP (COLA) TAHUN 2020

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju memberi kenaikan Bayaran Sara Hidup (COLA) sebanyak RM50.00 kepada Penjawat Awam Negeri Melaka yang layak seperti yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan.

3. Merujuk kepada keputusan MMKN P.14 7B/37/2019 bertarikh 11 Disember 2019, Bantuan Sara Hidup (COLA) Tahun 2020 seperti berikut :

- i) Mengguna pakai syarat-syarat yang tertakluk di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2019 – Bayaran Bantuan Sara Hidup (COLA) Tahun 2020 dengan mengambil kira semua skim dan gred perjawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana.
- ii) Bantuan Sara Hidup ini tidak layak kepada :-
 - a) Kumpulan Pengurusan Tertinggi
 - b) Memangku atau dipinjamkan untuk menyandang jawatan Pengurusan Tertinggi
 - c) Pegawai *Contract for Service*
 - d) Pegawai yang dibayar Bayaran Insentif Wilayah.
 - e) Dipinjamkan ke badan antarabangsa atau syarikat swasta
 - f) Dibayar elaun perbezaan sara hidup
 - g) Bercuti tanpa gaji
- iii) Kenaikan bayaran Bantuan Sara Hidup sebanyak RM50 dibayar mulai pada tarikh pembayaran gaji bulan Januari 2020 kepada Kumpulan Pelaksana sahaja, manakala Kumpulan Pengurusan dan Profesional tiada kenaikan.



4. Berikut adalah jadual kadar Bayaran Sara Hidup Kerajaan Negeri Melaka seperti di jadual 1:

Jadual 1 : Kadar Bayaran Bantuan Sara Hidup (COLA)

KAWASAN B	KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL	KUMPULAN PELAKSANA
Alor Gajah, Bandar Melaka dan Jasin	RM250.00	RM300.00

5. Arahan operasi ini berkuatkuasa pada Januari 2020. Sebarang pertanyaan berhubung perkara tersebut sila hubungi pegawai di **Unit Perkhidmatan dan Operasi Gaji** di talian **06-230 7285/298/802**

Sekian terima kasih.

"MELAKA BERWIBAWA"
"PINTAR, HIJAU, BERSIH"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(NORIFAH BINTI NORDIN)
Bendahari Negeri,
MELAKA.